



Ruj. Kami : MAQIS 100-11/2/2(133)
Tarikh : 21 Disember 2018

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

MAKLUMAN PERUBAHAN KATEGORI BAGI HASILAN IKAN DAN PRODUK PERIKANAN DI DALAM SISTEM NEW EPERMIT

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa terdapat perubahan di dalam proses permohonan permit MAQIS/LKIM bagi komoditi hasilan ikan dan produk perikanan di dalam sistem New ePermit (newepermit.dagangnet.com.my). Terdapat 3 jenis kategori sahaja setelah dikemaskini seperti dalam jadual di bawah:

Bil.	Kategori	Keterangan
1.	IKAN BASAH	Termasuklah apa apa jenis ikan laut, ikan air payau atau ikan air tawar, kerang-kerangan, siput air, bunga karang, trepan dan hidup-hidupan dalam air yang lain dan penghasilan daripadanya, tetapi tidak termasuk penyu atau telur penyu; <u>yang telah dinyah sejuk beku tetapi masih disimpan di dalam ais.</u>
2.	IKAN SEJUK BEKU	Termasuklah apa apa jenis ikan laut, ikan air payau atau ikan air tawar, kerang-kerangan, siput air, bunga karang, trepan dan hidup-hidupan dalam air yang lain dan penghasilan daripadanya, tetapi tidak termasuk penyu atau telur penyu; <u>yang disimpan sejuk beku pada suhu di bawah negatif 18°C.</u>
3.	IKAN PROSES	Termasuklah apa apa jenis ikan laut, ikan air payau atau ikan air tawar, kerang-kerangan, siput air, bunga karang, trepan dan hidup-hidupan dalam air yang lain dan penghasilan daripadanya, tetapi tidak termasuk penyu atau telur penyu; <u>yang telah diproses ke dalam bentuk lain dan tidak menyerupai keadaan asal.</u>

3. Tujuan pengemaskinian kategori ini adalah untuk melancarkan dan memudahkan lagi pengurusan data dan pelaporan di peringkat jabatan/agensi yang terlibat.

4. Segala perhatian dan tindakan dari pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai. Segala kesulitan dan kekeliruan di pihak tuan amat kami kesali.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



.....
(SITI NUR BINTI AHMAD, PSI II)

Pengarah

Bahagian Import/Eksport dan Data

b/p. Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia

Putrajaya